



Pelaksanaan Program Dakwah Dalam Kalangan Pekerja Industri Kecil Sederhana (IKS)

ZULAIHA AHMAD TAJUDDIN & ABDUL MUNIR BIN ISMAIL

Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

Email: zulaiha8601@gmail.com & sungaiserailat@gmail.com

| Tel: +6019-572-6571 | Fax: +605-4595488 |

Received: May 16, 2019

Accepted: July 31, 2019

Online Published: August 8, 2019

Abstrak

Tulisan ini bertujuan untuk menjelaskan tentang pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap pekerja Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di sektor pembuatan dan perkhidmatan milik Bumiputra Muslim. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Bagi mendapatkan maklumat, borang kaji selidik diedarkan kepada 300 responden. Mereka terdiri daripada pekerja kilang berjawatan semua peringkat. Kajian ini menggunakan pesampelan rawak telah mudah dipilih bagi mendapatkan maklumat responden. Instrumen kajian merangkumi pencapaian aktiviti dakwah di kilang. Seterusnya data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah deduktif. Maklumat kajian ini diperolehi menerusi kaedah pemerhatian pengkaji terhadap premis kilang dan suasana budaya kerja di premis terbabit. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti dakwah telah dilaksanakan dengan kekerapan seminggu sekali. Nilai min bagi pelaksanaan aktiviti dakwah ialah 2.57. Ini merupakan suatu pencapaian yang baik. Program tersebut ialah ceramah, tazkirah, kelas pengajian fardu 'ain, bacaan al-Qur'an, zikir, solat sunat, nasyid dan program menghafal doa harian. Sebagai kesimpulan, pencapaian aktiviti dakwah yang dilaksanakan di IKS merupakan suatu motivasi kepada pekerja supaya sentiasa mematuhi kehendak agama dalam segenap kehidupan ketika bekerja mahupun di luar waktu bekerja. Kajian ini juga memberi garis panduan dan persefahaman antara majikan dan pekerja ketika pelaksanaan aktiviti dakwah kerana menerusi aktiviti dakwah dapat melahirkan pekerja berkualiti dan meningkatkan produktiviti IKS.

Kata kunci: Pelaksanaan, Program dakwah, pekerja, Industri Kecil & Sederhana.

1. Pendahuluan

Pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap pekerja Industri Kecil Sederhana (IKS) adalah suatu usaha murni mengajak manusia secara hikmah berpandukan dakwah Rasulullah SAW untuk melakukan perkara kebaikan dan mencegah perbuatan yang melanggar peraturan agama dan tata susila masyarakat. Menurut 'Abdullah Nasih 'Ulwan (2013), program dakwah islahiyah mensasarkan umat Islam hendaklah dilakukan secara berterusan agar mereka yang menyimpang jauh kembali mengamalkan ajaran Islam. 'Abd al-Karim Zaydan (1992) menjelaskan dakwah ialah satu usaha menyeru manusia kepada Islam melalui contoh teladan yang dibawa oleh Nabi SAW mengikut kaedah yang telah ditentukan oleh Allah SWT seperti dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Menurut 'Ali Jumaah (2005), tugas menyampaikan seruan Islam merupakan suatu tuntutan yang mesti dilaksanakan dalam Islam. Dalam al-Quran, terdapat ayat yang menjelaskan berhubung tuntutan melaksanakan usaha dakwah kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT bermaksud, "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan Mu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbincanglah dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan-Mu Dia-lah yang lebih mengetahui siapa yang lebih sesat daripada jalan-Nya dan Dia-lah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk." (Surah al-Nahl, 16: 125).

Menurut Al-Amiri Ahmad Al-Bara'. (2012), sebagaimana diketahui bahawa dakwah para nabi-nabi, kesemuanya berdakwah untuk menegakkan keimanan kepada Allah S.W.T. dan mentauhidkanNya. Jalan para *anbia'* ini diambil sebagaimana langkah berdakwah yang terus serta terancang dalam merencanakan dakwah. Metode para *anbia'* dan para rasul juga adalah yang terbaik untuk diikuti. Pendakwah ialah seorang yang mulia yang dicintai Allah S.W.T. kerana pendakwah ialah merupakan seorang yang tidak meminta setiap perbuatannya diberikan penghargaan oleh manusia dan tidak perlu diangkat martabatnya kerana keikhlasan dalam berdakwah menjadi punca mengapa akhlak pendakwah dipuji seperti ini. Metode dakwah menurut Al-Qarni ialah dengan mengibaratkan dakwah sebagai satu seni milik para *da'i* yang ikhlas iaitu *da'i* ibarat seorang penjual yang berjaya menjual barang dagangannya iaitu dakwah kepada pembeli, kaedah menjual itu adalah metode berdakwah, ia sama dengan seni yang dimiliki oleh para penjual cemerlang. Menurut Al-Qarni 'Aidh Abdullah. (2007), bagi seni ukir pula dimiliki oleh seorang pengukir mahir. Maka kewajipan para *dai'* adalah



memperindah seni tersebut agar dapat menyampaikannya kepada orang lain dengan cara dan gaya yang indah dan menyenangkan, kerana mereka adalah pewaris Muhammad S.A.W. Menurut Muhamad Mustafa Atha (1982), dakwah membentuk umat yang bersatu padu dan sejarahnya dakwah Islam ialah menyatukan masyarakat Arab yang fanatik kabilah kepada masyarakat Islam yang bersatu padu, Nabi S.A.W. diutuskan kepada yang berkulit merah dan yang berkulit hitam.

Menurut Majelis Ulama' Indonesia (2011), usaha dakwah Islam adalah suatu usaha murni mendekati masyarakat dengan ajaran Islam. Ia merupakan perkara yang dianjurkan oleh Islam kepada umatnya agar mendekati masyarakat yang bukan Islam atau yang kurang pemahaman Islam kepada agama Islam yang direndhai oleh Allah S.W.T. Di samping itu, Islam sebagai agama dakwah yang disebarluaskan dengan cara damai dan bukan dengan kekerasan berdasarkan surah al-Nahl ayat 125. Ia juga berperanan sebagai penggiat supaya terbentuk sebuah masyarakat Muslim serta memiliki peradaba yang tinggi. Demikian juga aktiviti dakwah berfungsi agen perubahan nilai-nilai Islam Muslim yang berkualiti. Dakwah juga berperanan dalam mendidik dan membimbing masyarakat ke arah kebaikan. Oleh itu, dakwah disampaikan untuk menegakkan kalimah *tawhid* dan mengikuti jejak langkah para nabi dan rasul. Sehubungan itu, dakwah bukan hanya tugas seorang hamba yang digelar *da'i* tetapi semua umat Islam yang mengucap dua kalimah syahadah adalah *da'i* dan boleh menyampaikan dakwah melalui pelbagai cara dan kaedah dalam berdakwah supaya dakwah yang diterima berkesan kepada masyarakat.

2. Latar Belakang Kajian

Tujuan pelaksanaan dakwah di premis kilang ialah melahirkan manusia yang beriman dan beramal soleh sepertimana Nabi SAW yang kehebatan iman kepada Allah SWT dan amal soleh Baginda yang dikagumi sehingga melahirkan umat yang hebat seperti sahabat-sahabat Baginda. Menurut Al-Qurtubi (1995), matlamat usaha dakwah secara umumnya ialah mengubah manusia daripada *jahil* kepada beragama, sepertimana kata-kata hikmah ialah "untuk memperbaiki dunia, baiki manusianya dan untuk memperbaiki manusia, baiki hatinya". Masalah manusia bermula dan berpunca daripada hati. Abdul Munir (2011), menjelaskan bahawa mesej dakwah disampaikan kepada seluruh umat manusia termasuk pekerja kilang bertujuan untuk menegakkan kalimah *tawhid* dan mengikuti jejak langkah para nabi dan rasul. Ab. Aziz Mohd Zin (2005), umat Islam hari perlu memahami bahawa pelaksanaan aktiviti dakwah kepada masyarakat yang rosak iman mereka bukan hanya ditugaskan kepada mereka yang digelar *da'i* tetapi diwajibkan kepada semua umat Islam yang mengucap dua kalimah syahadah adalah *da'i*. Ini termasuklah para pengurus kilang milik Muslim dan mereka boleh menyampaikan dakwah melalui pelbagai cara dan kaedah dalam berdakwah supaya dakwah yang diterima berkesan kepada masyarakat. Menurut 'Abdullah Muhammad Zin (1997), usaha dakwah dalam industri kecil dan sederhana merupakan suatu aktiviti berunsur keagamaan wajar dipraktikkan dalam industri Muslim. Program ini dipantau oleh badan agama atau majikan di industri bertujuan untuk melihat perkembangan aktiviti dakwah dan kesan dakwah ke atas pekerja kilang. Menurut Abdul Ghaffar Don (2007), dakwah dalam industri adalah satu kaedah dakwah yang menggunakan ruang pekerjaan sebagai satu unsur dalam menjalankan aktiviti dakwah. Dakwah dalam industri lebih menumpukan kepada golongan dewasa dari pekerja yang muda sehingga umur bersara pekerja itu bekerja dalam bidang pekerjaan tersebut dan hanya melibatkan pekerja IKS sahaja.

Tuntutan melaksanakan aktiviti dakwah dan tuntutan bekerja bagi memenuhi keperluan hidup seorang Muslim adalah dua asas penting yang tidak dapat dipisahkan. Jika solat diabaikan keberkatan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT dalam kehidupan seorang Muslim akan hilang. Ekoran itu, berlaku kepincangan dalam struktur ekologi kehidupan seorang Muslim dan masyarakat amnya disebabkan oleh pengabaian solat lima waktu. Berita Harian bertarikh 9 November 2010, Utusan online bertarikh 20 Januari 2015 dan Mymetro 27 Mac 2016 melaporkan SPRM buka lebih banyak kertas siasatan rasuah dan penyelewengan melibatkan pecah amanah, rasuah, salah guna kuasa dan kedudukan, menipu, mengambil harta awam/syarikat, pelanggaran disiplin, kurang komitmen terhadap tugas dan sebagainya seringkali dipaparkan dalam media masa arus perdana. Situasi ini menunjukkan berlakunya kepincangan yang amat membimbangkan dewasa ini akibat struktur ekologi hidup orang Islam diabaikan iaitu solat lima waktu.

Berdasarkan kajian Abdul Munir Ismail (2011), terdapat aduan yang diterima oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berkaitan surat daripada Setiausaha Agung Persatuan Pekerja Malaysian Airlines System Employees' Union Peninsular Malaysia bertarikh 11 Mei 2010 mendakwa pekerja yang menunaikan solat pada waktu bekerja seringkali dilihat tidak berdaya maju, pekerja bersolat mengganggu prestasi keuntungan syarikat, pekerja bersolat tidak berdisiplin kerana meninggalkan tugas dan pelbagai tanggapan negatif dilemparkan kepada pekerja yang melaksanakan solat pada waktu yang ditetapkan. Merujuk kepada isu pekerja kilang di Selangor yang pernah dilaporkan oleh sesetengah pekerja bahawa mereka tidak dibenarkan mengerjakan solat semasa bertugas tidak dapat disangkal lagi. Jika diteliti surat dari Kesatuan Pekerja Kimia Malaysia IPI Sdn. Bhd. bertarikh 12



Mei 2003 menerangkan pekerja beragama Islam mendapat tekanan melaksanakan solat semasa bertugas sama ada di kilang atau di premis perkhidmatan. Mereka dinafikan hak untuk mengamalkan kepercayaan agama Islam seperti tidak dibenarkan solat lima waktu dan solat Jumaat pada masa bertugas. Berdasarkan isu-isu di atas, satu kajian ilmiah perlu dilakukan bagi mengetahui sejauh mana aktiviti dakwah di kilang mengganggu produktiviti operasi sesebuah kilang. Objektif kajian ialah pencapaian aktiviti dakwah dalam kalangan pekerja Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sektor pembuatan dan perkhidmatan milik Bumiputra Muslim.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data *primary* daripada sumber (Faizah Omar, 2011). Fokus kajian lebih tertumpu kepada pekerja dalam kilang terpilih di tempat kerja mereka. Surat permohonan dihantar kepada majikan sebelum aktiviti kajian dijalankan. Borang soal selidik diedarkan kepada responden secara rawak mudah dan mendapat keizinan terlebih dahulu daripada pihak majikan. Lokasi kajian tertumpu di kawasan IKS Lubuk Merbau, IKS Sayong dan IKS Kuala Kangsar, Perak. Ini kerana di lokasi tersebut terdapat kilang makanan dan minuman, kilang kosmetik dan wangian. Selain itu, terdapat juga kilang ubat-ubatan tradisional dan pembuatan kraftangan serta kilang perkhidmatan dan percetakan. Industri yang dipilih dalam kajian ini adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan peringkat industri kecil dan sederhana sebagai fokus kajian.

Instrumen kajian mencakupi pelaksanaan aspek ceramah, tazkirah, kelas pengajian fardu 'ain, bacaan al-Qur'an, zikir, solat sunat, nasyid dan program menghafal doa harian. Aktiviti dakwah ini dinilai berdasarkan tahap pertama sangat aktif, kedua ialah sekali sekala, ketiga sederhana, keempat tidak pasti dan terakhir tidak pernah diadakan. Data dianalisis menggunakan kaedah deduktif iaitu penghuraian yang bersifat umum berpandukan objektif kajian. Data responden yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan SPSS iaitu (*Statistical Package For Social Science*). Pengkaji juga mendapatkan maklumat melalui pemerhatian. Hal ini dilakukan semasa borang kaji selidik diserahkan kepada responden di kilang terbabit. Pemerhatian dilakukan dalam premis surau dan amalan responden sebelum melakukan pekerjaan rutin. Menurut Zainudin Awang (2015), kaedah tersebut merupakan kaedah yang sering digunakan oleh penyelidik bidang statistik sains sosial. Menerusi pendekatan tersebut, dapatan hasil kajian tidak dipertikaikan kesahihan faktanya.

4. Penemuan dan Perbincangan

Jadual 1: Pelaksanaan aktiviti dakwah di tempat kerja

No	Pencapaian Program Islam:	Sangat Aktif % (N)	Sekali Sekala % (N)	Sederhana % (N)	Tidak Pasti % (N)	Tidak Pasti Di adakan % (N)	Min
1	Kelas pengajian <i>fardu 'ain</i> dilaksanakan di premis saya bekerja secara bersiri.	28.0 (84)	21.3 (64)	13.3 (40)	24.3 (73)	13.0 (39)	2.73
2	Ceramah agama sempena hari kebesaran Islam seperti Maulid al-Rasul, Awal Muharam	22.0 (66)	32.7 (98)	14.0 (42)	20.3 (61)	11.0 (33)	2.66
3	Membaiki bacaan surah al-Qur'an seperti surah Yasin dan surah-surah pendek	31.7 (95)	40.7 (122)	11.7 (35)	11.7 (35)	4.3 (13)	2.16
4	Alunan zikir seperti <i>al-Asma' Al-Husna</i>	37.0 (111)	19.7 (59)	12.7 (38)	21.3 (64)	9.3 (28)	2.46
5	Program latihan dan penerangan solat serta kebaikan melaksanakan solat sunat <i>Duha</i> dalam waktu kerja	30.0 (90)	24.3 (73)	14.3 (43)	19.3 (58)	12.0 (36)	2.59



6	Program membaiki dan menghafal bacaan doa harian	37.0 (111)	28.7 (86)	4.3 (34)	15.3 (46)	7.7 (23)	2.28
7	Kuliah agama secara bersiri	31.7 (95)	20.0 (60)	15.3 (46)	22.0 (66)	11.0 (33)	2.61
8	Program bimbingan agama secara bersiri dan solat berjemaah harian	27.0 (81)	20.0 (60)	16.7 (50)	27.3 (82)	9.0 (27)	2.71
9	Ceramah motivasi secara berkala	14.3 (43)	36.7 (110)	19.7 (59)	22.3 (67)	7.0 (21)	2.71
10	Ceramah kecemerlangan produktiviti secara berkala	11.7 (35)	36.7 (110)	26.0 (78)	16.7 (50)	9.0 (27)	2.75
Jumlah Keseluruhan							2.57

Berdasarkan Jadual 1 Pelaksanaan aktiviti dakwah di premis IKS, pengkaji cuba menjelaskan kepada pembaca dengan menghuraikan analisis aktiviti dakwah berdasarkan keperluan pengisian ilmu Islam kepada responden. Item satu, ialah kelas pengajian *fardu 'ain* yang dijalankan di tempat kerja mencatatkan keseluruhan aktif dengan nilai min 2.73. Item ke dua ialah ceramah agama sempena hari kebesaran Islam mendapat nilai min sebanyak 2.66. Item ke tiga ialah membaiki bacaan al-Qur'an dan surah Yasin yang diadakan di tempat kerja, aktif dalam mengadakan aktiviti membaiki bacaan al-Qur'an, surah Yasin dan sebagainya dengan nilai min sebanyak 2.16. Item ke empat ialah alunan zikir dan *al-Asma' al-Husna* menunjukkan premis bekerja aktif dalam aspek tersebut dengan nilai min 2.46. Item ke lima ialah pelaksanaan program latihan dan penerangan solat serta kebaikan melaksanakan solat sunat *duha* dalam waktu kerja mendapat min sebanyak 2.59. Item ke enam ialah program membaiki dan menghafal bacaan doa harian sebanyak nilai min 2.28. Item ke tujuh ialah program kuliah agama secara bersiri aktif di tempat mereka bekerja dengan nilai min 2.61. Item ke lapan ialah program bimbingan secara bersiri solat berjemaah harian di tempat bekerja dengan nilai min 2.71. Item ke sembilan ialah aktiviti ceramah motivasi bagi meningkatkan amalan dalaman pekerja seperti sifat sabar, tolong menolong, bekerjasama secara berkala dengan nilai min 2.71. Item ke sepuluh ialah aktiviti ceramah kecemerlangan produktiviti seperti kecekapan mengendalikan mesin, kepatuhan kerja dan sebagainya dengan nilai min 2.75. Semua aktiviti tersebut aktif dijalankan di premis dan tempat bekerja.

Jika diteliti pada Jadual di atas, aktiviti nilai min tertinggi sebanyak 2.16 dilaksanakan di tempat kerja ialah aktiviti membaiki bacaan al-Qur'an, surah Yasin dan sebagainya. Aktiviti ini mendapat kerjasama daripada majikan bagi mengadakan aktiviti ini kerana ia melibatkan satu program keagamaan yang sering diadakan ketika sesuatu majlis atau sering dibaca seminggu sekali. Program tersebut aktif kerana melibatkan bacaan surah Yasin sebagaimana maklum, masyarakat Muslim mengamalkan bacaan surah Yasin sebagai aktiviti keagamaan untuk meminta keberkatan kepada Allah SWT serta menjadikan responden tertarik menyertai program ini. Ia juga satu nilai tambah kepada responden dalam membaiki bacaan al-Qur'an serta surah Yasin yang sering diamalkan dan sekaligus membuatkan mereka menghafal surah tersebut dapat membaiki bacaan al-Qur'an. Program ini juga sering diadakan oleh majikan sebagai aktiviti keagamaan secara mingguan untuk pekerja mereka. Bagi peratusan aktif, program ini mencatat sebanyak 122 orang responden mengatakan program tersebut berjalan sekali sekala dan sebanyak 95 orang pula mencatatkan sangat aktif. Oleh itu, catatan sebanyak 217 orang mencatatkan keaktifan yang tinggi dalam menjawab soalan jenis aktiviti yang dilaksanakan di tempat kerja.

Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji ketika di premis Sidratul Enterprise hari Jumaat diadakan aktiviti membaca al-Qur'an. Responden membuat khatam al-Qur'an beramai-ramai. Aktiviti ini melibatkan pekerja di peringkat bawahan dan peringkat atasan. Ia mendapat sambutan yang amat baik sekali di kalangan pekerja. Bagi Kilang Mariwasa, dan kilang Afiat pula, mereka juga menjalankan aktiviti tersebut secara beramai-ramai dan aktiviti ini diadakan dengan kekerapan sebulan sekali. Pemerhatian di kilang Mariwasa dan Hot Perfume mendapati majikan kilang menyediakan surau dan dilengkapi dengan al-Qur'an serta mengalu-alukan kepada pekerja mereka melakukan amalan solat sunat sebelum memulakan pekerjaan dengan membaca al-Qur'an terlebih dahulu. Bagi kilang Aqilah Enterprise mereka hanya



mengadakan di rumah, dan menjemput pekerja membaca bersama untuk meminta kepada Allah S.W.T. supaya diberikan keberkatan dalam pekerjaan.

Bagi nilai min kedua tertinggi ialah item enam sebanyak 2.28 iaitu program membaiki dan menghafal bacaan doa harian. Program ini mencatatkan sebanyak 111 orang responden menjawab sangat aktif dan sebanyak 86 orang pula menyatakan sekali sekala aktif. Program ini dilakukan seawal pagi sebelum memulakan kerja. Ia juga dilakukan oleh mereka ketika masuk bekerja dengan memulakan bacaan doa secara beramai-ramai. Program bacaan doa juga diadakan ketika penceramah memulakan ceramah dengan menyuruh semua responden mengikut dan mengulang bacaan doa sekaligus memberikan kesinambungan yang baik dalam membaca dan menghafal serta membaiki bacaan doa harian. Cara program yang diadakan oleh penceramah menjadikan hafalan bacaan doa harian tersebut dapat dibaiki secara langsung. Oleh itu, program membaiki dan menghafal bacaan doa harian menjadikan program kedua tertinggi yang diadakan setelah membaiki bacaan al-Qur'an, surah Yasin dan sebagainya. Bagi aktiviti membaiki bacaan doa ini, penceramah menggunakan kaedah yang baik bagi mendengar bacaan dan membetulkan sebutan huruf oleh responden. Responden juga sangat memberikan kerjasama dalam membaiki bacaan tersebut.

Pemerhatian pengkaji ke atas kilang di Sidratul Enterprise ketika tazkirah mingguan oleh penceramah iaitu pada setiap hari Isnin, penceramah memberikan tip-tip doa untuk dihafal dan pada minggu didengarkan hafalan dan diperbetulkan oleh penceramah. Pemerhatian yang dilakukan oleh penulis ke atas kilang Hot Perfume, mereka menampal bacaan doa di sekeliling surau dan mencantikkan surau dengan koleksi doa tersebut seperti doa sebelum wuduk. Bagi Kilang Afiat, Balirr Enterprise, Shahrini Enterprise, Aqilah Enterprise sebelum masuk kerja mereka membuat bacaan doa pendek untuk memulakan pekerjaan secara beramai-ramai. Item ketiga tertinggi ialah item empat dengan nilai min 2.46 iaitu alunan zikir seperti *al-Asma' al-Husna*. Program ini mencatatkan sebanyak 111 responden menjawab sangat aktif dan sebanyak 59 orang responden menjawab sekali sekala diadakan. Alunan zikir ini diadakan pada awal pagi dan menerusi pembesar suara sebagai pembuka acara sebelum memulakan ceramah oleh penceramah yang dijemput. Alunan zikir ini dipengaruhi pendengaran responden dan pelaksanaan majikan di tempat kerja. Penceramah memasukkan aktiviti tersebut dalam program ceramah yang berlangsung mengikut jadual. Alunan zikir seperti ini adalah merupakan hiburan berlandaskan Islam dan ia mendapat sambutan daripada majikan dan pekerja. Menurut Syabuddin Gade *ets.* (2013), dakwah dalam kalangan pekerja industri yang terbaik ialah memulakan dengan pekerja, pekerja yang muda menghormati orang dewasa dan hendaklah bersifat *tawadu'* dan jangan sombong. Pekerja kilang hendaklah memulakan usaha dakwah dengan sifat *tawadu'*. Antara keutamaan sifat orang *tawadu'* adalah mereka berhati lapang dalam menerima setiap teguran, ilmu, ideologi, fahaman daripada mereka yang sombong dengan mengaitkan pepatah melayu iaitu bodoh sombong, yang bermaksud dia tidak mengetahui akan perkara tersebut tetapi sombong untuk mengetahuinya. Mereka yang berilmu membimbing buta huruf. Jangan terpengaruh dengan ideologi tertentu, dapatkan sebanyak mungkin kenalan kerja ditempat baru dan jangan abaikan hubungan baik sesama kenalan lama. Kaedah ini diutamakan kerana lebih memberi kesan yang efektif. Orang yang lebih muda, mudah menerima ajakan dan fikiran mereka tidak dicemari dengan perkara negatif walaupun orang dewasa lebih banyak pengalaman berbanding orang muda.

Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji mendapati aktiviti alunan zikir seperti *al-Asma' al-Husna*, di kilang Sidratul Enterprise diadakan setiap pagi sebagai aktiviti awal rutin mereka. Biasanya para pekerja sudah bersedia memulakan tugas selepas alunan zikir ini dipersembahkan. Sementara itu, pemerhatian di kilang Mariwasa mendapati mereka juga melaksanakan alunan zikir *al-Asma' al-Husna* ketika acara keagamaan sebagai permulaan majlis. Bagi Kilang Win Kraf dan Balirr Enterprise mereka menggunakan radio sebagai alat membantu mendengarkan alunan tersebut setiap hari. Item pertengahan di antara item terendah dan item tertinggi ialah item ke dua dengan nilai min 2.66 iaitu aktiviti ceramah agama sempena hari kebesaran Islam seperti Maulid al-Rasul dan Awal Muharam.

Manakala aktiviti dakwah yang dilihat aktif ialah sebanyak 98 orang dan responden menjawab sangat aktif adalah sebanyak 66 orang. Sangat aktif adalah mereka yang terdiri daripada responden yang sentiasa hadir dalam setiap majlis yang dianjurkan oleh majikan. Setiap aktiviti dihadiri oleh mereka dan mereka menjawab sangat aktif kerana acara tahunan ini mereka hadir tanpa ponteng selama mereka bekerja. Bagi responden yang menjawab sekali sekala bagi aktiviti yang dianjurkan oleh majikan tidak berturut setiap tahun dan program ini tidak dijalankan di tempat kerja tetapi diberikan cuti oleh majikan. Oleh itu, acara ini dianggap sekali sekala oleh responden. Dari segi jawapan responden acara ini adalah sederhana bagi mereka yang baru bekerja dan tidak berkesempatan untuk menyertai dan hanya mengetahui melalui pekerja yang sudah lama bekerja bahawa aktiviti tersebut diadakan oleh majikan.

Manakala aktiviti yang mendapat min terendah ialah item 10, iaitu sebanyak 2.75 bagi ceramah kecemerlangan dengan seramai 50 orang responden menjawab tidak pasti dan 27 orang menjawab tidak pernah diadakan. Jenis aktiviti ini adalah yang terendah kerana tidak mendapat sambutan untuk diadakan berpunca dari aspek masalah kuantiti pekerja yang sedikit dan majikan kurang setuju aktiviti dakwah dilaksanakan. Bagi jawapan 78 orang responden yang menjawab sederhana



adalah mereka yang mengetahui akan jenis aktiviti yang dilaksanakan tetapi mereka di dalam kategori pekerja baru, pekerja yang tidak hadir ketika aktiviti dilaksanakan, majikan melaksanakan program tersebut secara tidak konsisten atau tidak diadakan secara tahunan atau pekerja yang kurang penglibatan di dalam aktiviti yang diadakan serta memerlukan kos yang tinggi menyebabkan majikan tidak mengadakan aktiviti tersebut. Oleh itu, dapatan kajian mendapati jenis aktiviti ini adalah yang kurang diadakan di tempat kerja. Kamarul Azmi (2008), mengatakan pekerja dalam industri hendaklah menghubungkan silaturrahim sesama pekerja, berbuat baik kenalan dengan mengamalkan nilai-nilai murni Islam sepertimana sejarah Nabi SAW berjiran dengan Yahudi dan layanan Baginda kepada Yahudi sehingga ia memeluk Islam. Metode silaturrahim ini juga boleh digunakan dengan menggunakan laman sesawang teknologi terkini seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya. Dakwah boleh dimulakan dengan pengenalan Islam itu agama yang indah dengan mempelbagaikan dakwah berbudi bahasa serta berlembut ketika berbicara.

Aktiviti kedua terendah dengan nilai min 2.73 ialah aktiviti kelas pengajian *fardu 'ain* secara bersiri. Kajian mendapati responden yang menjawab tidak pasti adalah 73 orang bersetuju bahawa pengajian *fardu 'ain* tidak pernah dihadiri di tempat kerja. Masalah ini berkaitan dengan budaya kerja dan psikologi pekerja yang bekerja di dalam suasana yang industri yang mementingkan pengeluaran serta mengejar masa. Ini kerana penceramah hanya menyampaikan tentang mesej Islam tetapi tidak menyampaikan bagaimana mempraktikkan jiwa Muslim itu di dalam budaya kerja seharian secara psikologi seperti berzikir ketika kerja dan sebagainya. Mereka juga tidak tahu apa itu *fardu 'ain* dan menganggap ceramah agama secara bersiri adalah hanya ceramah dan tidak mengetahui klasifikasi isi ceramah. Majikan atau penceramah tidak menyediakan bahan bagi menyatakan ianya adalah ceramah khusus *fardu 'ain* dan tidak diadakan secara bersiri. Oleh itu, ianya adalah terendah. Bagi mereka yang menyatakan ia aktif adalah mereka yang faham akan maksud *fardu 'ain* dan mereka mengikuti pengajian tersebut yang dilaksanakan di tempat kerja secara berterusan.

Aktiviti dakwah ke tiga terendah dengan nilai min 2.71 ialah ceramah motivasi secara berkala. Responden yang menjawab tidak pasti ialah 67 orang dan memberi maklumbalas tidak pasti aktiviti dakwah diadakan ialah seramai 21 orang. Besar kemungkinan responden mengatakan rendah kerana memerlukan kos, tempat yang selesa dan kuantiti pekerja yang ramai menyebabkan suasana kurang selesa. Majikan kurang mengadakan aktiviti ini kerana pekerja yang sering bertukar tempat kerja dan sukar mendapatkan pengganti yang mahir. Mungkin juga terdapat masalah penglibatan responden yang kurang aktif dan masalah kewangan kerana program tersebut diberikan gaji walaupun tidak bekerja. Oleh itu, aktiviti dakwah yang aktif dipengaruhi tempat kerja yang memiliki jumlah pekerja yang ramai dan majikan mempunyai kos untuk membiayai perbelanjaan aktiviti dakwah. Syarikat yang mempunyai pekerja kurang daripada 10 orang, aktiviti dakwah dilihat kurang mendapat sambutan peserta. Bayaran kos penceramah jemputan tidak diuruskan oleh syarikat tersebut. Ini menjadikan pengaruh pekerja yang ramai ke atas jumlah min tinggi bagi jenis aktiviti dakwah seperti ceramah kecemerlangan, ceramah motivasi secara berkala, program ceramah secara bersiri tentang aktiviti solat berjemaah serta kelas pengajian *fardu 'ain* secara bersiri tidak dilaksanakan adalah dipengaruhi jumlah min tidak pasti dan tidak pasti diadakan tinggi.

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan aktiviti dakwah yang dijalankan di premis kilang milik Muslim mendapat sambutan dan diterima oleh pekerja. Aktiviti dakwah di tempat kerja iaitu memperbaiki bacaan surah al-Qur'an, surah Yasin, program menghafal bacaan doa harian, alunan zikir seperti al-Asma' al-Husna, program latihan dan penerangan solat serta kebaikan melaksanakan solat sunat *Duha* dalam waktu kerja. Seterusnya kuliah agama secara bersiri, ceramah agama sempena hari kebesaran Islam seperti Maulid al-Rasul dan Awal Muharam dilakukan secara berkala. Program ceramah motivasi secara berkala, bimbingan secara bersiri aktiviti solat berjemaah, diikuti kelas pengajian *fardu 'ain* ceramah kecemerlangan produktiviti secara berkala. Kesemua aktiviti dakwah mempengaruhi peratusan penglibatan pekerja terhadap aktiviti tersebut dan produktiviti kilang meningkat kerana pekerja memiliki motivasi serta kesedaran bekerja itu suatu ibadah. Kesan dakwah bentuk jangka panjang oleh pekerja industri Muslim secara tidak langsung memberi kesan positif oleh pelanggan bukan Muslim. Bukan itu sahaja, malah kesan positif dengan melahirkan individu yang patuh dan taat kepada perintah Allah S.W.T. dan berakhlak mulia sesama rakan sekerja dan pelanggan, menaikkan nama baik jabatan melalui peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh kakitangan dan dapat mengurangkan perkara negatif seperti rasuah, penyelewengan, penipuan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa penglibatan kakitangan dalam sektor perindustrian, keterlibatan dengan program dakwah pada semua kakitangan dan tidak berkecuali kerana semua kakitangan adalah beragama Islam bersesuaian dengan program yang dianjurkan.

Dalam kajian ini syarikat dapat merancang aktiviti dakwah dengan lebih baik dan dapat menjadi perintis berdakwah dalam sektor industri dengan pengaplikasian amali yang diamalkan ke dalam sektor perkilangan secara tersusun dan menilai sejauhmanakah aktiviti dakwah ini diikuti oleh pekerja dalam menunaikan tanggungjawab agama dan sosial. Kajian terhadap aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan dalam industri juga dapat dijadikan sebagai garis panduan bagi



pengusaha industri yang lain. Aktiviti dakwah di kilang ini memberi satu implikasi yang baik serta kesesuaian ianya dijalankan. Kajian ini juga sebagai dorongan kepada para pendakwah Islam dalam menambah pengetahuan mereka berkenaan kaedah dakwah yang dijalankan dalam industri dan relevannya aplikasi dakwah tersebut di dalam aktiviti industri dewasa ini. Kajian ini boleh dijadikan satu rujukan berguna kepada pengusaha industri yang lain dalam pengaplikasian dakwah dalam industri bagi usaha memartabatkan agama Islam dalam kehidupan seharian muslim.

References

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- 'Abdullah Muhammad Zin, Che Yusuf Che Mamat, Ideris Endot. (1997). *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 'Abdullah Nasih 'Ulwan. (2013). *Wajib Tabligh Al-Da'wah Wa Fadlu Al-Da'wah Wa Daiyah*. Qahirah, Misr: Dar Al-Salam li Tiba'ah Wa Al-Nashar wa Al-Tawzi' Wa Al-Tarjamah.
- Abdul Ghaffar Don et.. (2007). *Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Malindo Printers Sdn Bhd.
- 'Abd al-Karim Zaydan. (1992). 'Abd Al-Karim Zydan. (2010). *Usul Al-Da'wah*. Beirut, Lubnan: Muassasah Al-Risalah Nashirun.
- Al-Amiri Ahmad Al-Bara'. (2012). *Fiqh Da'wah Al-Anbia' Fi Al-Qur'an Al-Karim*. Al-Qahirah, Misr: Dar Al-Salam. Al-Qahirah, Misr: Dar Al-Salam Li-Al-Tiba'ah wa Al-Nashar wa Al-Tawzi' wa Al-Tarjamah.
- Abdul Munir Ismail. (2011). *Pelaksanaan Solat Di Kalangan Pekerja Islam Di Sektor Perkilangan Dan Perkhidmatan Di Negeri Selangor*. Shah Alam, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor.
- Al-Qurtubi Abi'Abdullah Muhammad Ahmad Al-Ansari. (1995). *Al-Jami' Lil Ahkam Al-Qur'an*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Al-Qarni 'Aidh Abdullah. (2007). *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise. Puchong, Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd.
- 'Ali Jum'ah. (2005). *Fatawa Al-Imam Ibnu Taymiyah Fi Al-Mua'malat Wa Ahkam Al-Mal*. Qahirah, Misr: Dar Al-Salam Lil Al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Faizah Omar, Lau Too Kya, Phang Yook Ngor, Zainudin Awang. (2011). *Statistics Second Edition*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Kamarul Azmi, Mohd Ismail, Azhar Muhammad. (2008). *Wanita Dalam Dakwah dan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Johor: Myna Printing Sdn Bhd.
- Majelis Ulama' Indonesia. (2011). *Potensi Dakwah Kota Medan*. Medan, Indonesia: Wal Ashri Publishing.
- MyMetro. <https://origin.hmetro.com.my/utama/2018/04/332840/ramai-tak-berani-buat-aduan> 27 March 2016.
- Muhamad Mustafa Atha. (1982). *Da'watu Tahririyatil Kubra*. (terj.) H.M. Asywadie Syukur. Surabaya, Indonesia: Lc.Pt Bina Ilmu. Surabaya, Indonesia: Pt Bina Ilmu Offset.
- Pahrol Mohamad Juoi. (2010). *Mukmin Profesional Celik Mata Hati*. Kuala Lumpur: Fitrah Perkasa & Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Syabuddin Gade ets. (2013). *Pemikiran Dakwah Ali Hasjmy*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jangan-halang-pekerja-islam-solat-8211-perkasa> bertarikh 20 Januari 2015.
- Zainudin Awang. (2015). *Research Methodology and Data Analysis*. Shah Alam Selangor: Uitm Press.